

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 APRIL 2014 (RABU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1 | Satelit Malaysiadilancar menjelang 2024 | Berita Harian |
| 2 | Angkasa, MOSTI lancar satelit sendiri 2024 | Sinar Harian |
| 3 | CEO TPM diiktiraf anugerah kepimpinan global | Sinar Harian |
| 4 | Objek dijumpai perlu lalui kajian forensik | Sinar Harian |
| 5 | 15,000 topi keledar diagihkan | Utusan Malaysia |
| 6 | Peluang komersialkan idea, inovasi | Harian Metro |

Angkasa, Mosti bakal lancar satelit sendiri 2024

KUALALANGAT - Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (Mosti) bakal melancarkan satelit sendiri menggunakan kepakaran tenaga mahirnya menjelang 2024.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, seramai 13 penyelidik daripada pelbagai agensi telah pun dihantar ke Pusat Penyelidikan Angkasa di Korea bagi mendalami bidang penyelidikan sains dan teknologi angkasa secara umum.

Menurutnya, sektor angkasa memerlukan pembiayaan dan dana yang agak besar untuk berkembang dan dipergiatkan. Namun, keupayaan dan kepakaran tempatan yang sedia ada pada ketika ini amat terbatas.

"Bagaimanapun, Mosti, melalui Angkasa, ingin mengajak pihak industri sama-sama merancang industri tempatan, khususnya dalam sektor yang strategik ini.

"Melalui pembinaan kemudahan yang telah dibina di Pusat Angkasa, pihak industri dan sektor awam diharapkan dapat memanfaatkan sektor angkasa supaya dapat diberi manfaat kepada rakyat tempatan," katanya dalam Majlis Penganugerahan Sijil ISO



Abu Bakar sedang mengadakan lawatan ke Makmal AIT, Fasiliti Kawalan Misi dan Makmal Kalibrasi Optik di Pusat Angkasa Negara.

9001:2008 dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) di Pusat Angkasa Negara, di Sungai Lang, semalam.

Abu Bakar berkata, sehingga kini, Angkasa di Kuala Langat ini adalah satu-satunya agensi di Asia

Tenggara yang menyediakan perkhidmatan pengujian dan pengukuran berkapasiti tinggi termasuk fasiliti kawalan misi yang menyokong misi angkasa bukan sahaja satelit milik negara seperti Razak SAT, malah agensi antarabangsa yang lain.

Selain itu, Makmal Kalibrasi Optik

juga diwujudkan sebagai makmal perintis di Malaysia dalam bidang pencirian radiometrik bukan sahaja untuk satelit tetapi peralatan optik lain selain turut menyediakan kemudahan pemasangan, integrasi dan pengujian satelit yang mampu mensimulasikan keadaan persekitaran yang dialami

oleh satelit dan komponennya.

"Saya yakin tenaga mahir yang ada di negara kita mampu melaksanakan kepakaran untuk menghantar satelit sendiri 10 tahun lagi kerana bidang angkasa kita adalah bidang aplikasi yang boleh dikembangkan. Ia mempunyai peralatan lengkap setanding kecanggihan peralatan pertahanan negara lebih-lebih lagi apabila tragedi (kehilangan) MH370 menimpa negara baru-baru ini.

"Keperluan teknologi canggih yang selama ini dipelopori negara-negara barat perlu dititikberatkan untuk memelihara keselamatan negara melalui Agensi Angkasa Negara," katanya.

Dalam pada itu, anugerah sijil ISO yang diberikan turut memberi impak kepada kedua-dua pihak dalam memberi kerjasama kerana masing-masing mempunyai tenaga mahir dan kemudahan yang canggih.

Beliau turut memaklumkan, sebuah lagi satelit, Razak SAT II bakal dilancarkan pada tahun 2016 menggunakan kepakaran asing mengikut spesifikasi pihaknya selepas Razak SAT pertama yang dimiliki negara difahamkan sudah tamat tempoh.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 56
TARIKH: 30 APRIL 2014 (RABU)

CEO TPM diiktiraf Anugerah Kepimpinan Global



KETUA Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) Datuk Azman Shahidin dipilih sebagai Personaliti Eksekutif Tahunan Teknologi dan Inovasi Nasional, iaitu pengiktirafan tertinggi Anugerah Kepimpinan Global 2014 yang diadakan di Putrajaya, baru-baru ini.

Ia sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan besar Azman dalam mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan rekod

cemerlang TPM sebagai taman teknologi utama dan perdana di negara ini.

Semenjak mengambil alih tampuk kepimpinan TPM pada 2006, Azman memainkan peranan penting bagi memastikan TPM kekal menjadi pemimpin pasaran segmen taman teknologi.

Setakat ini TPM telah membantu lebih 3,000 syarikat melibatkan pelaburan bernilai lebih RM1 bilion dari sudut penyediaan in-

frastruktur bertaraf dunia dan ekosistem secara menyeluruh.

Azman yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari Universiti Glasgow, United Kingdom dan mengikuti Program Pengurusan Perniagaan Perdana di Harvard Business School turut menjadi ahli Lembaga Jurutera Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia dan Persatuan Inkubasi Perniagaan Kebangsaan.

Objek dijumpai perlu lalui kajian forensik

SHAH ALAM- Penemuan objek yang didakwa ada kaitan dengan MH370 perlukan kajian forensik bagi mengesahkan sama ada ia milik pesawat yang hilang sejak 8 Mac lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB), Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad bagaimanapun berkata, kajian mengesahkan ia milik MH370 akan memakan masa.

"Kita pun tidak mahu terlalu teruja dengan laporan itu, sekalipun jumpa sesuatu, kita tidak boleh terus katakan ia milik pesawat MH370.

"Seperti juga kalau kita jumpa apa-apa di dasar laut, tidak boleh terus katakan itu pesawat yang hilang, ia perlu dikaji dan lakukan imbasan," katanya.

Terdahulu syarikat penerokaan Australia, GeoResonance dilaporkan

mendakwa menemui bangkai pesawat malang itu di Teluk Benggala, 5,000 kilometer dari kawasan carian sekarang iaitu di Lautan Hindi.

Mengulas lanjut, Ahmad Sabirin berkata, biarpun ia seperti konsisten dengan tindakan pesawat yang dikatakan berpatah balik, namun masih memerlukan kajian terperinci.

"Memang kita berharap akan temui pesawat MH370 kerana isyarat ping kotak hitam pernah dikesan, tapi malangnya kini bateri kotak hitam sudah habis, jadi tiada lagi isyarat dapat dikesan.

"Pencarian makin sukar kerana kita sedang berlawan dengan masa memandangkan tempoh pencarian sudah pun hampir dua bulan, tetapi sehingga kini tiada sebarang petunjuk berjaya diperolehi," kata beliau.



Helikopter Seahawk Australia ketika misi pencarian MH370 di Lautan Hindi.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 30 APRIL 2014 (RABU)

**15,000 topi
keledar
diagihkan**

KOTA BHARU 29 April - Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan mengedarkan 15,000 buah topi keledar baharu secara percuma bagi kempen menggantikan topi keledar lama yang tidak mempunyai kelulusan SIRIM Bhd. di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Pengarah Bahagian Pelaksanaan dan Projek jabatan itu, Mohd. Rusdi Mohd. Darus berkata, selain memberi kesedaran kepada masyarakat, program itu juga adalah sebahagian usaha meningkatkan aspek keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal.

Mohd. Rusdi yang juga Pemangku Timbalan Ketua Pengarah JKJR berkata, kajian oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) mendapati 60 peratus mangsa yang maut dalam kemalangan jalan raya terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal.

"Kajian Miros juga menunjukkan majoriti atau 70 peratus daripada penunggang dan pembonceng motosikal yang maut adalah golongan muda yang berumur antara 16 hingga 25 tahun akibat kecederaan parah di kepala kerana cuai dalam pemakaian topi keledar," katanya selepas menyertai program Advokasi Keselamatan Jalan Raya peringkat negeri anjuran JKJR Kelantan di sini.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 58
TARIKH: 30 APRIL 2014 (RABU)**

**Peluang
komersialkan
idea, inovasi**

Kuala Lumpur: Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2014 (ITEX14) membuka peluang kepada pereka muda mengkomersialkan idea serta hasil inovasi mereka pada penganjurannya kali ke-25 bermula 8 hingga 10 Mei ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Presiden Persatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia (MINDS), Tan Sri Dr Augustine SH Ong berkata, penganjuran ITEX14 kali ke-25 itu diadakan seiring dengan Pameran Pereka Muda Malaysia (MYIE) dan Rekaan Pereka Muda Asia (AYIE) yang memfokuskan kepada hasil ciptaan pereka muda berumur antara 20 tahun dan ke bawah.

Katanya, dengan penyertaan seramai 1,000 pereka daripada 20 negara, ITEX14 dilihat sebagai landasan terbaik bagi mendedahkan pereka muda dalam industri terbabit selain berkongsi idea dengan kelompok profesional yang turut serta dalam program ini.